

24 JUN 1997

Mahathir-Bank

MAHATHIR RASMI BANK MALAYSIA DI HUNGARY

Oleh: Wan A. Hulaimi

BUDAPEST, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin merasmikan cawangan sebuah bank milik sepenuhnya Malaysia, International Commercial Bank (ICB), di ibu negara Hungary di sini, cawangan yang keenam di Eropah timur dan Afrika setakat ini.

Bank itu diasaskan pada 1993 dan memulakan operasi pada Julai 1994.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif bank Norhayateh Mat Din, bekas pengurus cawangan Bank Bumiputra di London, ICB akan ditempatkan dalam sebuah bangunan yang telah diubahsuai tidak lama lagi bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan tempatan dalam semua urusan perbankan termasuk aktiviti tukaran wang asing dan pembiayaan perdagangan.

ICB komited untuk mengoptimumkan peluang dalam perdagangan dan perniagaan pelbagai hala antara Hungary dan rantau Asia Tenggara terutama Malaysia.

Cawangan pertama ICB dibuka di Prague, Republik Czech pada 1994 dan membuka cawangan keduanya di Hradec Kralove, kira-kira 110km dari Prague dua tahun kemudian.

Satu lagi cawangan di Eropah timur ialah Tirana, ibu negara Albania, yang memulakan perniagaannya awal tahun ini.

Dua cawangan di Afrika dirasmikan Dr Mahathir di Conakry, Republik Guinea pada 7 Nov, 1996 dan di Accra, Ghana dua hari kemudian.

Cawangan ketujuh akan dibuka di Sarajevo, ibu negara Bosnia, bulan depan. -- BERNAMA

WAH AHH